

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Metodologi didefinisikan sebagai satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin (Kamus Dewan,1997:887). Metodologi merupakan satu set prosedur yang digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian, termasuklah metod, proses dan teknik yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan (Lee Chai Chuan,2007).

Kajian ini bertujuan untuk melihat pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam penulisan pelajar lembam. Kajian ini juga akan mengenal pasti apakah terdapat kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar lembam ini dalam penulisan tetapi aspek mekanis tidak diberi penekanan oleh penulis kerana kajian ini untuk menghuraikan pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam karangan pelajar lembam. Bab ini akan menjelaskan kaedah kajian, instrumen kajian, dan bagaimana data yang diperolehi akan dianalisis bagi menjawab persoalan yang diutarakan dalam kajian ini.

3.1 Pemilihan Subjek

Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar-pelajar dalam kelas pemulihan

daripada Sekolah Menengah di Bandar Senawang, Negeri Sembilan. Di sekolah ini pelajar lembam yang berada di dalam kelas pemulihan tingkatan dua ialah sepuluh orang sahaja. Di dalam kelas pemulihan ini terdiri daripada sepuluh orang pelajar pemulihan yang mendapat pemulihan daripada tingkatan satu lagi pada tahun 2009. Menurut guru pemulihan di sekolah ini bilangan pelajar di dalam kelas pemulihan tingkatan satu pada tahun 2009 ialah 18 orang tetapi lima orang pelajar telah dipulangkan ke kelas biasa setelah berjaya menguasai 3M selepas tempoh lima bulan, tiga orang pelajar telah berhenti sekolah. Sepuluh orang pelajar yang tinggal ini dikategorikan sebagai pelajar lembam dan perlu mendapat pemulihan yang berterusan. Kelas pemulihan di sekolah ini dari tingkatan satu hinggalah tingkatan tiga. Sepuluh orang pelajar ini telah dipilih sebagai sampel kajian. Bagi tujuan tersebut sebanyak 60 buah karangan pelajar dianalisis.

Memandangkan pihak sekolah tidak membenarkan pengkaji melakukan kajian yang melibatkan pelajar tingkatan 3 iaitu kelas peperiksaan, pengkaji telah memilih sampel pelajar daripada tingkatan dua hasil perbincangan bersama pengkaji dengan guru pemulihan di sekolah berkenaan. Hal ini kerana responden telah pun mengikuti program pemulihan mata pelajaran bahasa Melayu semasa di tingkatan satu dalam kelas pemulihan pada tahun 2009. Selain itu juga, responden akan menghadapi Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2011 dan mereka memerlukan kemahiran dalam karangan bahasa Melayu sebelum menghadapi PMR. Daripada analisis kesalahan yang mereka lakukan dapatlah dibuat ramalan tentang kesalahan-kesalahan yang mereka

lakukan semasa menjawab soalan peperiksaan. Daripada dapatan kajian yang diperolehi dapatlah dirancang pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan sesuai untuk pelajar-pelajar lambat ini.

Pengkaji memilih sampel dari sekolah ini memandangkan pengkaji merupakan tenaga pengajar di sekolah berkenaan dan memudahkan pengumpulan data, menjimatkan kos, masa, dan tenaga pengkaji.

Sepuluh orang responden yang dipilih ini menurut guru pemulihan, kelemahan mereka pada mulanya diketahui berdasarkan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan setelah dikenal pasti mereka mempunyai ciri-ciri kelemahan berdasarkan keputusan UPSR mereka telah terpilih untuk ujian diagnostik. Ujian diagnostik dilakukan oleh guru pemulihan pada bulan Mac 2009. Ujian ini dijalankan dalam bentuk lisan iaitu secara individu manakala ujian diagnostik bertulis dijalankan dalam kumpulan kecil. Keputusan ujian diagnostik ini menunjukkan ciri atau kelemahan yang paling ketara iaitu:

1. Dari segi tulisan

Murid-murid ini menghadapi masalah untuk menulis perkataan-perkataan dan mengambil masa yang agak lama untuk menulis malah tulisan mereka amat buruk jika dibandingkan dengan usia mereka. Malah hasil tulisan murid-murid ini sukar untuk difahami.

2. Mengalami masalah untuk mengenal huruf seperti "b" , "d" , "p" dan "q"

Selain itu murid-murid ini sering terkeliru untuk membezakan huruf-huruf

ini. Dari aspek sebutan pula mereka tidak dapat menyebut huruf “r” dengan tepat. Ini dapat dibuktikan melalui ujian diagnostik yang dijalankan kepada murid-murid ini.

3. Dari segi penampilan

Mereka mempunyai keyakinan yang rendah. Ini dapat dilihat apabila guru memanggil murid-murid ini ke hadapan untuk menjawab soalan, murid-murid ini tidak dapat menjawab dan bercakap, murid hanya mendiamkan diri dan ada juga yang mengambil masa yang lama untuk menjawab sambil teragak-agak ini kerana mereka tidak yakin dengan jawapan yang diberikan.

4. Tidak dapat menguasai 3M

Murid-murid ini mengalami banyak masalah dalam mengikuti pembelajaran dalam kelas dan jauh ketinggalan daripada murid-murid normal yang lain kerana mereka tidak dapat mengenal huruf dan mengeja.

Secara keseluruhan untuk lebih mengetahui sama ada seseorang pelajar itu menghadapi masalah dalam pembelajaran ialah melalui pencapaian akademik terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu sangat rendah. Mengikut temubual dengan seorang guru pemulihan, murid-murid ini menghadapi banyak masalah pembelajaran dan murid-murid ini memerlukan pemerhatian yang lebih agar mereka tidak ketinggalan jauh dalam pelajaran.

3.1.1 Latar Belakang Responden

Semua responden berasal dari bandar dan sememangnya anak jati Negeri Sembilan. Responden terdiri daripada sepuluh orang iaitu dua orang perempuan dan lapan orang lelaki. Kesemua responden ini berada di dalam kelas pemulihan dan mereka dikategorikan sebagai pelajar yang bermasalah pembelajaran kategori sederhana oleh sekolah dan guru pemulihan kelas tersebut. Sepuluh orang responden ini dimasukkan ke dalam kelas pemulihan sejak tingkatan satu lagi.

3.2 Reka Bentuk kajian

Menurut Mohd Najib Addul Ghafar (1999) kaedah kajian atau metodologi dalam sesuatu kajian merujuk kepada cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan kos yang minima demi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Oleh itu, keberkesanan sesuatu kajian banyak bergantung kepada metodologi yang diamalkan oleh seseorang penyelidik untuk membuat kajiannya. Ini kerana hasil keputusan yang jelas, tepat, sah dan kebolehpercayaan dapat digambarkan melalui metodologi yang digunakan. Reka bentuk kajian, kaedah persampelan dan saiz sampel serta kaedah pemungutan dan penganalisan data adalah antara aspek-aspek yang terpenting dalam kajian.

Kajian yang digunakan ialah kajian kes terhadap pelajar lembam. Kajian kes ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan bentuk data yang diperolehi melalui instrumen yang telah dikenal pasti. Ia dilaksanakan melalui satu kaedah kajian iaitu penganalisan data daripada 60 buah karangan dan temu bual.

Karangan pelajar lembam digunakan untuk mendapatkan data. Setiap responden diberikan soalan karangan berdasarkan bahan rangsangan dan para responden diberi masa 25 minit untuk menjawab karangan ini. Para pelajar yang telah dipilih akan menghasilkan enam buah karangan bahan rangsangan.

Karangan ini diberikan kepada pelajar sekali sebulan bermula bulan Mei sehingga bulan Oktober bertujuan untuk mengelakkan responden bosan dan bersedia untuk menjawab.

Hasil penulisan pelajar ini dikumpulkan dan dianalisis untuk melihat pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam penulisan pelajar lembam. Pengkaji telah memecahkan kepada tiga bahagian utama untuk analisis seperti Rajah 1 :

Rajah 1: Model kajian

3.3 Instrumen Kajian

Terdapat dua jenis instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data iaitu ujian menulis karangan dan temu bual. Instrumen yang digunakan ini bertujuan untuk mendapatkan bahan yang boleh dipercayai dan sah.

3.3.1 Ujian Menulis Karangan

Mengikut Abdul Aziz Abdul Talib (1996) apabila guru atau pengkaji mahu menguji kemahiran murid bercakap atau mengarang sangat penting memilih tajuk atau topik yang bersesuaian pemikiran murid ini kerana sekiranya sesuatu topik yang diberikan kepada murid untuk mengarang atau bercakap itu terlampau

sukar, atau terkeluar daripada pengalaman dan pengetahuan murid sebagai pelajar dia mungkin tidak boleh bercakap atau mengarang langsung. Ini bertentangan dengan falsafah kita yang mengajar dan menguji bahasa. Setelah membuat perbincangan dengan guru pemulihan, karangan bentuk bahan rangsangan dipilih kerana soalan bahagian ini mudah untuk pelajar lembam berfikir apabila dia melihat gambar dan bersesuaian dengan kajian yang hanya mahu melihat pemaparan idea dan penguasaan bahasa sahaja. Menurut Abdul Azizi Abdul Talib (1996) juga sesuatu topik yang sukar yang tidak sesuai dengan peringkat murid tidak menjadi stimulus yang berkesan untuk menguji kebolehannya menggunakan bahasa dalam bentuk apa kemahiran bahasa sekalipun.

Pelajar yang dipilih diminta menulis enam buah karangan bahan rangsangan berdasarkan tajuk-tajuk yang diberi. Setiap karangan ini adalah berlainan jenis dan pengkaji memberikan enam karangan bahan rangsangan. Enam jenis karangan ini dipilih adalah kerana ia merupakan jenis soalan yang biasa dikeluarkan dalam kertas PMR. Panjang karangan ini adalah 120 patah perkataan selaras dengan panjang karangan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk menjawab soalan karangan Bahagian B kertas 2 Bahasa Melayu dalam peperiksaan PMR. Memandangkan responden akan menduduki peperiksaan PMR seperti pelajar normal yang lain, pengkaji telah mengikuti syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan masa yang dicadangkan untuk menjawab soalan ialah 25 minit. Bagi memastikan prestasi sebenar, karangan mesti ditulis dalam kelas. Tajuk yang diberi ialah

mengikut pada bulan yang ditetapkan. Pengkaji akan menganalisis semua karangan yang ditulis oleh pelajar.

Jadual 3.1: Tajuk Karangan

BULAN	TAJUK KARANGAN
MEI	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang masalah disiplin pelajar sekolah . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
JUN	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang sikap pengguna jalan raya . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan
JULAI	Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang kepentingan mengadakan pasar tani . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
OGOS	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang penggunaan air berdasarkan gambar tersebut . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
SEPTEMBER	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang amalan menabung berdasarkan gambar tersebut . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan
OKTOBER	Berdasarkan poster di bawah, huraikan pendapat anda tentang kepentingan menderma darah . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

3.3.2 Temu bual

Satu kaedah lain yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan data ialah kaedah temu bual. Ee Ah Meng (1996) mengatakan bahawa temu bual merupakan satu teknik yang menggalakkan pelajar menyatakan perasaan yang dapat menggambarkan sikap mereka.

Temu bual digunakan untuk mendapatkan data daripada guru dan responden.

Temu bual yang bertujuan mengenal pasti dengan lebih dekat tentang taraf

penguasaan bahasa di kalangan pelajar lambat yang dikaji dengan memfokuskan penguasaan bahasa dan pemaparan idea dalam penulisan karangan. Memandangkan hanya seorang sahaja guru pemulihan untuk tingkatan dua pengkaji terus memilihnya untuk ditemu bual bagi mengambil maklumat berkaitan dengan responden. Berdasarkan Teori Analisis Kesilapan untuk memahami idea yang dipaparkan dengan lebih jelas, pengkaji perlu menemu bual responden terlebih dahulu untuk memahami bahasa responden.

Maklumat tentang latar belakang umum responden diperolehi secara temu bual dengan sepuluh responden dan seorang guru pemulihan. Kaedah temu bual yang digunakan oleh penulis ialah temu bual secara tidak formal dijalankan pada awal bulan Mei iaitu sebelum ujian pertama dijalankan. Ketika temu bual dijalankan setiap responden Soalan-soalan berkenaan meliputi maklumat individu, minat serta persepsi mereka terhadap mata pelajaran bahasa Melayu khususnya berkaitan penulisan. Temu bual ini diadakan secara individu kerana pelajar lambat ini tidak akan menjawab soalan yang ditanya jika mereka merasakan mereka tidak yakin untuk menjawab dan malu pada rakan-rakan yang mendengar. Hasil temu bual ini dapat memberi gambaran tentang latar belakang pelajar, tahap penguasaan bahasa dan tahap minat terhadap bahasa Melayu walaupun mereka dalam kategori pelajar bermasalah pembelajaran. Responden juga diminta mengisi borang maklumat murid yang diambil daripada sekolah dan atas cadangan guru pemulihan borang itu diisi oleh ibu bapa responden memandangkan mereka tidak tahu menulis dengan betul. Responden membawa pulang ke rumah borang maklumat murid dan membawa

keesokannya. Borang tersebut hanyalah borang maklumat murid bukan soal selidik (lampiran 7).

3.4 Tatacara Penyelidikan

Secara umumnya, tatacara penyelidikan ini dilakukan untuk mendapatkan data dan hasil kajian melalui beberapa cara iaitu:

3.4.1 Prosedur Pentadbiran Ujian Karangan

Pengendalian ujian ini ditadbir sendiri oleh pengkaji dan dibantu oleh seorang tenaga pengajar kelas pemulihan. Sebelum ujian ini dilaksanakan pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah yang terlibat. Seterusnya pengkaji menemu bual guru kelas pemulihan bahasa bagi mendapat gambaran dan maklumat yang jelas tentang kelas pemulihan dan pelajar-pelajar yang terlibat bagi memudahkan kajian ini dilakukan. Dalam temu bual itu juga pengkaji telah berbincang tentang tarikh dan masa untuk membuat ujian tersebut. Pengkaji juga telah meminta pendapat daripada guru bahasa berkenaan tentang tajuk karangan yang akan diberikan kepada pelajar yang terpilih dan juga bagi memastikan tajuk-tajuk karangan ini belum pernah dikarang oleh pelajar.

3.4.2 Pengelolaan Ujian

Pengkaji telah mengumpulkan semua subjek yang terlibat untuk menjawab soalan ujian karangan di dalam kelas. Ujian pertama diadakan pada bulan Mei. Setiap pelajar dibekalkan soalan, kertas jawapan dan dikehendaki menulis sebuah karangan jenis bahan rangsangan. Panjang karangan adalah tidak melebihi 120 patah perkataan seperti yang telah ditetapkan selaras dengan panjang karangan kertas dua bahasa Melayu PMR. Ujian karangan dijalankan secara serentak untuk semua subjek. Tujuan diadakan ujian karangan serentak ialah untuk mendapatkan kebolehpercayaan dalam karangan tersebut iaitu semua subjek akan membuat karangan tersebut dalam keadaan tanpa membuat persediaan seperti mengumpul maklumat atau isi kandungan berkenaan dengan tajuk terlebih dahulu. Semua subjek diletakkan selang dua meja antara satu sama lain bagi mengelakkan subjek bercakap dan meniru. Ini dapat memastikan keaslian karangan ini dipungut untuk dijadikan bahan kajian. Sebelum subjek bersurai, pengkaji telah memaklumkan tarikh, masa dan tempat untuk menjalankan ujian karangan yang seterusnya kepada guru pemulihan.

Tajuk-tajuk karangan dalam ujian ini telah pengkaji maklumkan kepada guru pemulihan bagi memastikan bahawa tajuk tersebut belum dikarang oleh pelajar di bilik darjah sebelum ini.

Apabila tempoh masa telah cukup, karangan-karangan dipungut. Atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar, kajian ini telah dijalankan dengan lancar dan teratur. Ujian karangan ini dibuat pada tarikh dan masa seperti jadual 3.2

Jadual 3.2: Masa dan Tarikh Ujian Karangan

Bulan	Tajuk Karangan	Masa
6 Mei	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang masalah disiplin pelajar sekolah . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.	25 minit
1 Jun	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang sikap pengguna jalan raya . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.	25 minit
29 Julai	Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang kepentingan mengadakan pasar tani . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.	25 minit
6 Ogos	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang penggunaan air berdasarkan gambar tersebut . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.	25 minit
9 Septembe r	Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang amalan menabung berdasarkan gambar tersebut . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan	25 minit
19 Oktober	Berdasarkan poster di bawah, huraikan pendapat anda tentang kepentingan menderma darah . Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.	25 minit

3.4.3 Prosedur Pengumpulan Data

Memandangkan pengkaji merupakan tenaga pengajar di sekolah tersebut,

pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pengetua dan persetujuan daripada guru pemulihan dan pelajar-pelajar lembam yang terlibat bagi ujian dalam kajian ini. Pengkaji juga menunjukkan surat kebenaran membuat penyelidikan daripada Universiti Malaya (Lampiran 1). Selain itu juga, pengkaji menerangkan kepada guru dan pelajar yang terlibat bahawa segala data hanya bertujuan kajian dirahsiakan identiti mereka yang terlibat.

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memohon jasa baik guru yang terlibat dengan kelas pemulihan dan juga pengetua sekolah. Memandangkan pengkaji merupakan guru sekolah tersebut segala urusan untuk kajian di sekolah ini tidak menjadi masalah kepada pengkaji.

3.4.4 Penganalisan Data

Karangan-karangan yang dihasilkan oleh pelajar dikumpulkan dan diperiksa dengan teliti. Penyelidik membuat perbincangan dengan guru pemulihan untuk memeriksa dan meneliti ayat dalam karangan pelajar. Tujuan penyelidik berbincang dengan guru pemulihan tersebut untuk memastikan bahawa sesuatu yang dianggap kesilapan bahasa itu diakui benar oleh orang lain yang berpengalaman dalam bidang bahasa dan pemulihan. Kaedah ini untuk menjamin kebolehpercayaan hasil dapatan kajian ini. Langkah-langkah yang diambil untuk menganalisis data adalah berdasarkan tiga bahagian yang dipecahkan iaitu pemaparan idea, penguasaan bahasa dan ciri-ciri umum dalam kemahiran menulis.

3.4.4.1 Pemaparan Idea

Secara keseluruhan pemaparan idea yang disampaikan diperhatikan dengan lebih jelas, pengkaji telah menemu bual sampel tiap kali sebelum dan selepas ujian dijalankan. Menurut Teori Pit Corder pengkaji hendaklah memahami bahasa sampel terlebih dahulu. Pemaparan idea dianalisis berdasarkan tiga aspek iaitu:

a) Aspek Sasaran Idea

Hasil karangan yang telah dipungut akan dikelaskan kepada dua bahagian iaitu pemaparan idea dan sasaran idea pelajar lembam. Idea yang dipaparkan akan dimasukkan dalam Jadual 4.6, Jadual 4.7, Jadual 4.8, Jadual 4.9, Jadual 4.10 dan Jadual 4.11 mengikut bulan dan karangan pelajar lembam akan di tanda dengan simbol:

Karangan responden 1	=	R1
Karangan responden 2	=	R2
Karangan responden 3	=	R3
Karangan responden 4	=	R4
Karangan responden 5	=	R5
Karangan responden 6	=	R6
Karangan responden 7	=	R7
Karangan responden 8	=	R8
Karangan responden 9	=	R9
Karangan responden 10	=	R10

Jadual 4.6 hingga jadual 4.11 akan dilampirkan sebagai lampiran empat.

Pemahaman tentang sasaran idea sebenar yang ditunjukkan dapat dijadikan panduan untuk memahami cara pemaparan idea oleh pelajar lambat dan tahap penguasaan bahasa pelajar lambat.

b) Aspek Organisasi

Seperti yang dinyatakan Pusat Latihan Kuikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (2000) sesebuah karangan yang baik dan sempurna mestilah mengandungi pendahuluan, isi dan penutup. Lembaga Peperiksaan Malaysia telah menetapkan karangan bahagian B kertas dua PMR, mengandungi pendahuluan, sekurang-kurangnya dua isi iaitu satu diambil daripada bahan rangsangan dan satu lagi daripada pengetahuan luar pelajar dan yang terakhir ialah penutup. Karangan ini tidak melebihi 120 patah perkataan. Pengkaji juga telah menerangkan kepada responden sebelum ujian dilakukan. Dari aspek organisasi ini pengkaji telah melihat perkataan demi perkataan, frasa demi frasa, ayat demi ayat dalam setiap perenggan yang ditulis sama ada responden telah mengorganisasikan karangannya secara jelas ataupun tidak dalam bentuk kesatuan idea dalam perenggan yang ditetapkan.

c) Aspek Penggunaan Bahasa

Dari aspek penggunaan bahasa pula pengkaji melihat penggunaan bahasa dari segi kekerapan penggunaan jenis kata dan kekerapan penggolongan kata.

Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2008), telah membahagikan pembentukkan kata kepada empat jenis iaitu:

- i) Kata tunggal/Kata Dasar
ialah kata bentuk kata yang terdiri daripada hanya satu bentuk dasar, yakni tidak menerima apa-apa bentuk imbuhan atau kata dasar yang lain.
- ii) Kata terbitan
ialah terdiri daripada kata dasar yang mengalami proses pengimbuhan, iaitu mendapat atau menerima imbuhan, awalan, sisipan, akhiran dan apitan.
- iii) Kata majmuk
ialah kata yang wujud apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan menjadi satu kesatuan menjadi satu kesatuan sintaksis yang membawa makna tertentu. Proses pembentukan kata majmuk berlaku dalam banyak bahasa
- iv) Kata ganda
ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan.

Penggolongan kata pula terdiri daripada empat golongan iaitu:

- i) Kata nama
Kata nama ialah segala perkataan yang menyebut benda, tempat, orang atau binatang. Jumlah kata nama dalam sesuatu besar sekali sehingga tidak terbilang banyaknya. Itulah sebabnya ahli bahasa menganggap kata nama sebagai jenis kata yang terbuka (open class). Ertinya kita sentiasa boleh menciptakan kata nama yang baru apabila muncul benda atau ciptaan baru. Kata nama boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu kata nama am dan kata nama khas (Liaw Yock Fang, 1985)
- ii) Kata kerja
merangkumi kata kerja sejumlah kata dasar yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa kerja.
- iii) Kata adjektif
ialah sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Golongan kata adjektif tidak mempunyai subgolongan yang ketara.

iv) Kata tugas

ialah golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen iaitu terkandung dalamnya golongan-golongan kecil yang berbeza tetapi mempunyai satu sifat yang sama, iaitu tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa-frasa endosentrik, iaitu frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif. Perkataan-perkataan dalam golongan kata tugas ini masuk ke dalam binaan ayat sama ada melalui perhubungan dengan perkataan daripada golongan kata kerja, kata nama dan kata adjektif.

Kategori dalam karangan ditandakan dengan simbol-simbol yang berikut:

- i. KD Kata Dasar
- ii. KM Kata majmuk
- iii. KT Kata terbitan
- iv. KG Kata ganda
- v. KN Kata nama
- vi. KK Kata kerja
- vii. KA Kata adjektif
- viii. KU Kata tugas

Pengkaji telah memasukkan jumlah kekerapan penggunaan pembentuk kata dalam Jadual 4.1 dan penggolongan kata dalam Jadual 4.2 kekerapan penggunaan ini akan dinyatakan dalam peratus. Kaedah pengiraan peratus kekerapan ialah:

$$\frac{\text{JumlahJenisKata}}{\text{JumlahPatahPerkataan}} \times 100$$

Seterusnya pengkaji akan mengaitkan kesalahan penggunaan bahasa yang digunakan oleh responden dengan berpandukan Teori Pit Corder (1981) dan Dulay, Burt dan Krashen (1982):

- i) Kesilapan pengguguran (*omission*)
laitu kesilapan yang merujuk kepada kesilapan di mana elemen-elemen yang penting untuk menghasilkan struktur yang sempurna telah diabaikan.
- ii) Kesilapan penambahan(*addition*)
Kesilapan berpunca dari penggunaan peraturan tertentu secara berleluasa. Penambahan elemen-elemen yang tidak diperlukan atau tidak betul.
- iii) Kesilapan pemilihan (*selection*)
lanya merupakan penggunaan morfem yang salah.
- iv) Kesilapan penyusunan (*ordering*)
laitu suatu kesilapan yang juga disebabkan oleh ketidakpekaan kepada peraturan struktur.

3.4.4.2 Penguasaan Bahasa

Dianalisis berdasarkan empat aspek iaitu latar belakang pendidikan UPSR responden, latar belakang bahasa pengantar responden, minat terhadap pelajaran bahasa Melayu dan penguasaan 2M iaitu membaca dan menulis. Bagi aspek keputusan bahasa Melayu UPSR, latar belakang bahasa pengantar responden dan minat terhadap bahasa Melayu berdasarkan borang maklumat murid yang telah diisi oleh ibu bapa responden. Borang maklumat murid ini diambil daripada sekolah tersebut (lampiran 7).

Manakala untuk aspek penguasaan 2M responden, pengkaji menganalisis berdasarkan keputusan ujian diagnostik yang dilakukan oleh pengkaji sambil

dipantau oleh guru pemulihan. Soalan ujian diagnostik diambil daripada koleksi soalan diagnostik kelas pemulihan sekolah tersebut. Ujian diagnostik ini dilakukan dalam bentuk lisan dan tulisan iaitu kemahiran membaca dan menulis (Lampiran 5). Pengkaji hanya melakukan ujian diagnostik dalam bentuk membaca dan menulis sahaja tidak termasuk kemahiran mengira kerana tujuan kajian ini untuk melihat tahap penguasaan bahasa. Ujian ini dilakukan pada 8 April 2010. Menurut guru pemulihan tersebut, ujian diagnostik pernah dilakukan bulan Mac 2009 untuk menentukan pelajar ini menghadapi masalah dalam pembelajaran. Skor untuk ujian ini ialah 40 dikira baik. Ujian ini dilakukan selama satu jam.

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan kajian ini, pengkaji meminta izin guru pemulihan untuk melakukan ujian diagnostik sekali lagi kepada responden. Hal ini kerana ujian diagnostik yang dilakukan pada bulan Mac 2009 dilakukan secara terperinci bertujuan untuk mengesan kawasan-kawasan kelemahan dan kekuatan yang dihadapi oleh seseorang murid secara khusus dan seterusnya membentuk objektif pengajaran (Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2008) tetapi kajian ini untuk melihat tahap penguasaan bahasa responden. Kaedah pelaksanaan pengkaji mentadbir ujian diagnostik terhadap responden ialah:

- i) Ujian diagnostik lisan dilakukan secara individu
- ii) Ujian diagnostik bertulis dijalankan dalam kumpulan tidak melebihi lima orang dalam satu masa.
- iii) Oleh sebab ujian ini disediakan mengikut turutan kognitif yang paling rendah kepada yang paling tinggi maka pengetahuan,

- pemahaman, penggunaan dimulakan dengan ujian lisan dan diikuti dengan ujian bertulis.
- iv) Ujian ini hendaklah diberhentikan sekiranya seseorang responden gagal menjawab semua item dengan betul dalam tiga kemahiran berturut-turut.
 - v) Setiap jawapan murid dimasukkan dalam borang kemahiran 3M (sila lihat lampiran)
 - vi) Keputusan ujian diagnostik ini dapat memberi panduan kepada pengkaji untuk menilai tahap penguasaan bahasa pelajar lembam.

3.4.4.3 Ciri-ciri Umum Dalam Kemahiran Menulis

Pengkaji akan menganalisis ciri-ciri umum yang terdapat dalam kemahiran menulis pelajar lembam. Terdapat beberapa ciri umum dalam kemahiran menulis pelajar lembam iaitu mengambil masa untuk menulis, tulisan yang sukar difahami, keliru untuk membezakan huruf b, d, dan p, tidak tahu mengeja, tidak dapat memahami kehendak soalan, kurang menggunakan imbuhan, konstruksi ayat tidak lengkap, pemilihan diksi yang tidak tepat, penulisan menyeleweng dari tajuk, penbendaharaan kata yang terhad, dan penulisan dipengaruhi oleh loghat daerah.

3.5 Rumusan

Kajian yang dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah yang dipilih ini akan memberi kesan yang positif dalam melihat pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam pelajar lembam.